EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.



Pulau Lang Tengah

Kuala Terengganu

Kredit: Adobe Stock

PROGRAM TELAAH - CHECK OUT DULU, FIKIR KEMUDIAN?

PENGGUNA MUSLIM DALAM ERA TIKTOK, SHOPEE & BNPL

BUKU : THE PRINCIPAL OF ISLAMIC CONSUMER BEHAVIOUR

6 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Sesi bergambar bersama penceramah Prof. Madya Dr. Wan Noor Hazlina Wan Jusoh dan Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan



Program dikendalikan bersama moderator Puan Hafsah Mustafa, Pembantu Pustakawan Kanan



Prof. Madya Dr. Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Penulis / Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTm Cawangan Terengganu.

DUNGUN, 6 Julai – Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu telah menganjurkan Program Telaah bertajuk "Check Out Dulu, Fikir Kemudian?: Pengguna Muslim Dalam Era TikTok, Shopee dan BNPL" pada 6 Julai 2026 bertempat di Sudut AZKA @Library Community Engagement (LCE). Program bual bicara yang berlangsung selama dua jam ini berteraskan naskhah terbaharu "The Principle of Islamic Consumer Behaviour" karya Prof. Madya Dr. Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Pensyarah Kanan ACIS UiTM Cawangan Terengganu. Sambutan amat menggalakkan apabila program berjaya menghimpunkan seramai 98 pelajar ACIS secara bersemuka serta 359 peserta dalam talian.

Prof. Madya Dr. Wan Noor Hazlina menegaskan teras prinsip kepenggunaan Islam yang mengutamakan nilai kesederhanaan, keutamaan keperluan berbanding kehendak, serta disiplin kewangan patuh syariah bagi membendung budaya berbelanja tanpa kawalan. Sesi interaktif dan soal jawab yang rancak turut membuka ruang diskursus kepada para peserta dalam menangani cabaran pengurusan kewangan era digital, sekali gus diharap mampu melahirkan komuniti pengguna Muslim yang lebih bijak, beretika, dan berhemah.

SCAN ME

PERTANDINGAN STREET SOCCER 3 ON 3
SEMPENA KARNIVAL BUKU & SEMARAK JAWI

11 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Pemenang tempat ketiga menerima wang saguhati dan medal dari pihak penganjur

DUNGUN, 11 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Dungun telah melakar kejayaan membanggakan apabila meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Street Soccer 3 on 3 yang berlangsung di perkarangan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) pada 11 Julai 2026. Pertandingan yang dianjurkan sebagai tirai pembuka dan promosi awal sempena Karnival Buku dan Semarak Jawi 2026 ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPAT, Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin, menerusi gimik sepakan penalti simbolik. Kejuaraan kategori perpustakaan disandang oleh pasukan PPAT Phoenix yang merangkul gelaran johan.



Beberapa gambar di sekitar pertandingan berlangsung

Penganjuran kejohanan ini mendapat sambutan amat menggalakkan apabila berjaya menghimpunkan sebanyak 26 buah pasukan secara keseluruhan, merangkumi 21 pasukan bagi kategori terbuka dan 5 pasukan bagi kategori perpustakaan. Pencapaian cemerlang pasukan Perpustakaan Cendekiawan ini bukan sahaja mencerminkan semangat kesukanan dan ukhuwah yang tinggi dalam kalangan warga kerja, malah membuktikan keupayaan perpustakaan dalam menyokong serta menjayakan program liputan komuniti yang interaktif dan sihat.





SCAN ME

BENGKEL PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH DI KOLEJ VOKASIONAL KEMAMAN, TERENGGANU

13 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Barisan kakitangan Perpustakaan Cendekiawan yang terlibat bergambar bersama para pelajar dan tenaga pengajar Kolej Vokasional Kemanan, Terengganu.



Sekitar Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah berlangsung

DUNGUN, 13 Julai – Seramai 15 orang pengawas Pusat Sumber Sekolah (PSS) Kolej Vokasional Kemaman telah menyertai Bengkel Pengurusan PSS yang berlangsung di Perpustakaan Pendeta pada 13 Julai 2026. Bengkel intensif selama tiga jam ini telah dikendalikan oleh barisan penceramah berpengalaman dari Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu yang terdiri daripada Cik Asmahani Abdullah (Timbalan Ketua Pustakawan M), Encik Nik Ahmad Kamal Nik Wadi (Pembantu Pustakawan Kanan), dan Encik Ahmad Fathi Azhari Mohd Azmi (Pembantu Pustakawan). Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkasakan kecekapan para pengawas menerusi pendedahan teknik pengurusan PSS abad ke-21 secara lebih sistematik dan efisien.

Para peserta turut disajikan dengan perkongsian maklumat dan pendedahan awal mengenai peluang melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM), khususnya di UiTM Cawangan Terengganu. Ianya sekaligus bagi menyuntik inspirasi serta hala tuju yang jelas buat para pelajar dalam merancang masa depan akademik mereka.

SCAN ME

SESI 1 STAF 1 PERKONGSIAN :
MENYINGKAP SEJARAH, SKALA MEGA & SPEKTAKEL BOLA SEPAK TERBESAR ABAD INI

15 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 15 Julai –Bahang kejohanan bola sepak terbesar dunia telah menyemarakkan suasana Perpustakaan Cendekiawan menerusi penganjuran program "Sesi 1 Staf 1 Perkongsian" bertajuk "Demam Piala Dunia 2026: Menyingkap Sejarah, Skala Mega & Spektakel Bola Sepak Terbesar Abad Ini" pada 15 Julai 2026. Program dua jam yang berlangsung di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE) ini mengetengahkan dua staf perpustakaan sebagai penceramah, iaitu Encik Wan Mohd Harith Wan Mohd Solah (Pembantu Pustakawan) dan Puan Rohaya Razali (Pembantu Pustakawan Kanan). Menerusi sesi ini, para peserta disajikan dengan perkongsian ilmiah mengenai lipatan sejarah, evolusi kejohanan, serta skala penganjuran dan impak global Piala Dunia 2026 terhadap komuniti antarabangsa.

Bagi menghidupkan suasana, pengisian program diteruskan dengan sesi kuiz interaktif secara berkumpulan bagi menguji kefahaman para peserta terhadap topik yang disampaikan. Kemuncak program menyaksikan kemeriahan aktiviti fizikal santai menerusi pertandingan "*Score The Goal*" yang berjaya memupuk semangat kerja berpasukan dan persaingan sihat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pemenang serta seluruh peserta atas komitmen dan keterujaan yang ditunjukkan, sekali gus membuktikan peranan perpustakaan sebagai wadah pembelajaran santai yang dinamik.



Gambar sekitar perkongsian berlangsung

SCAN ME

PROGRAM ROAD TOUR MENJEJAK ALUMNI - ALUMNI ASPIRE 2026 : DARI JEJAK KE JALINAN

19 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Delegasi universiti bergambar kenangan bersama alumni

DUNGUN, 19 Julai – Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI) UiTMCT Kampus Dungun dengan kerjasama Perpustakaan Cendekiawan dan Unit Jaringan Kerjasama Strategik (BJAK) ICAN UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Road Tour Menjejak Alumni – "Alumni Inspire 2026: Dari Jejak ke Jalinan" pada 19 Julai 2026. Delegasi universiti yang diketuai oleh Rektor UiTM Cawangan Terengganu, YBrs. Dr. Ermeey Abd. Kadir, bersama Timbalan Rektor BPJI, Dr. Baktiar Musa, dan Ketua Unit BJAK, Ts. Dr. Fatimah Zaharah, telah melawat beberapa premis perniagaan milik alumni UiTMCT di daerah Dungun dan Kuala Terengganu. Lawatan ini merangkumi pelbagai sektor perniagaan seperti Desa Palas Logistics / J&T Express Dungun, FF Foods Enterprise / Bingxue Dungun, Laut Eatery, serta Quinara Al Safir Resort.







SCAN ME

Dalam masa yang sama, wakil Perpustakaan Cendekiawan, Encik Md Kamil Ibrahim (Pustakawan Kanan), turut mengambil peluang mengumpul bahan keusahawanan dan koleksi bernilai arkib bagi memantapkan Repositori Keusahawanan Bumiputera serta Rekod Penting Universiti. Inisiatif strategik ini diharapkan dapat meluaskan jaringan kerjasama industri di samping memperkayakan sumber rujukan akademik yang berimpak tinggi untuk warga UiTM dan masyarakat secara keseluruhannya.

BENGKEL PEMERKASAAN DAN PENGURUSAN PUSAT SUMBER NYALA KHAZANAH, SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT WAN

21 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Nasihat dan tunjuk ajar tentang pengurusan perpustakaan dari Ketua Perpustakaan Kanan, Ketua Perpustakaan dan Pustakawan Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu

DUNGUN, 21 Julai – Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Pengurusan Pusat Sumber Nyala Khazanah di Sekolah Kebangsaan Bukit Wan pada 21 Julai 2026. Bengkel empat jam yang bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang ini dianjurkan bertujuan untuk memperkukuhkan kecekapan pengurusan pusat sumber sekolah menerusi sesi perkongsian ilmu, khidmat nasihat, serta aktiviti kunjung bantu yang memfokuskan kepada amalan terbaik pengurusan perpustakaan moden.

Menerusi inisiatif ini, para pengawas pusat sumber dan warga sekolah disajikan dengan perkongsian pengalaman, idea kreatif, dan pendekatan inovatif bagi mewujudkan persekitaran pusat sumber yang lebih menarik, teratur, dan kondusif untuk warga sekolah. Pihak Perpustakaan Cendekiawan turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan warga SK Bukit Wan atas komitmen padu yang diberikan, sekali gus berharap agar jalinan kerjasama strategik ini dapat terus menjadi pemangkin kepada pembudayaan ilmu dan kecemerlangan pendidikan komuniti setempat.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU BERSAMA BAHAGIAN :
PEJABAT BENDAHARI

22 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



DUNGUN, 22 Julai – Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Program Jelajah Ilmu Bersama Bahagian bertempat di Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Terengganu pada 22 Julai 2025. Sesi yang berlangsung dari jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari ini dihadiri seramai 13 orang staf Pejabat Bendahari sebagai satu inisiatif strategik untuk memperluaskan akses kepada perkhidmatan dan sumber maklumat perpustakaan. Menerusi program ini, para peserta diperkenalkan dengan Sistem PERMATA (Perpustakaan Digital UiTM) serta platform PERMATA Search yang membolehkan carian pelbagai bahan akademik seperti e-buku, jurnal, dan tesis dilakukan secara efisien menerusi satu platform sehenti.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan kaedah pencarian pangkalan data dalam talian (online databases) bagi menyokong keperluan penyelidikan dan pembangunan profesional, di samping pengenalan kepada aplikasi e-Lib yang menawarkan pelbagai kemudahan fleksibel di hujung jari. Penganjuran Jelajah Ilmu ini diharapkan dapat memperkasakan literasi maklumat dalam kalangan staf Pejabat Bendahari, seterusnya menggalakkan pemanfaatan sumber digital perpustakaan secara optimum demi menyokong kecemerlangan tugasan harian dan organisasi.



Penerangan ringkas dari Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Hafsah Mustafa tentang Sistem Permata dan platform Permata Search



Pegawai yang telah berjaya memuat turun aplikasi e-Lib




Kakitangan yang telah berjaya memuat turun aplikasi e-Lib ke peranti masing-masing

SCAN ME

KUNJUNGAN HORMAT
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KE LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH)KETENGAH)

23 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



DUNGUN, 23 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan sesi Kunjungan Hormat ke Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, KETENGAH pada 23 Julai 2026. Delegasi perpustakaan yang diketuai oleh Ketua Perpustakaan Cawangan, Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, telah disambut mesra oleh Tuan Haji Abdul Halim Yusof, Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia KETENGAH.

Pertemuan ini memfokuskan kepada penerokaan potensi kolaborasi yang meluas, merangkumi perkongsian maklumat, pembangunan modal insan, pemerkasaan komuniti, serta pemantapan sumber sosioekonomi dan keusahawanan bagi menyokong Repositori Keusahawanan UiTM. Pihak Perpustakaan Cendekiawan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KETENGAH atas sambutan mesra yang diberikan, dengan harapan agar hubungan kolaboratif ini dapat terus diperkukuh demi menyumbang kepada pembangunan ilmu, keusahawanan, dan kesejahteraan masyarakat. Diharapkan hubungan yang terjalin ini akan terus diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif kolaboratif pada masa hadapan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ilmu, keusahawanan dan kesejahteraan komuniti.



Penerangan ringkas oleh Tuan Haji Abdul Halim Yusof kepada delegasi Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT



Sesi penyampaian cenderamata dari pihak Ketengah kepada Puan Shahidatul Akhmam Rambeli

SCAN ME

LAWATAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN KE : PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITM KAMPUS BUKIT BESI

23 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Ketua Perpustakaan Cawangan bersama barisan pustakawan bergambar kenangan di hadapan bangunan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Bukit Besi

DUNGUN, 23 Julai – Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), bersama barisan pustakawan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kampus Bukit Besi pada 23 Julai 2026. Sesi lawatan yang berlangsung dari jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengah hari ini bertujuan untuk meninjau secara dekat perkembangan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan penambahbaikan fasiliti perpustakaan. Menerusi sesi tersebut, Encik Mohd Shahnizam bin Mat Zain, Pustakawan Kanan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Bukit Besi, telah membentangkan laporan status terkini berkaitan kerja pembaikan lantai, hasil penambahbaikan yang dicapai, serta perancangan susulan bagi fasiliti berkenaan.



Serba sedikit penerangan ringkas Ketua Perpustakaan Cawangan bersama En. Mohd Shahnizam Mat Zain dan staf Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Bukit Besi

Sesi tinjauan ini memberikan ruang kepada pihak pengurusan untuk menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil di samping bertukar pandangan mengenai strategi penambahbaikan berterusan. Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen pihak perpustakaan dalam memastikan fasiliti yang disediakan sentiasa berada pada tahap terbaik, sekali gus mengekalkan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kampus Bukit Besi sebagai persekitaran pembelajaran yang selamat, selesa, dan kondusif untuk seluruh warga universiti.

SCAN ME

EKSPLORASI ILMU BERSAMA SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BERUA

7 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Sekolah Kebangsaan Sungai Berua bersama Penolong Rektor serta warga kampus

KUALA TERENGGANU, 7 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah berjaya menganjurkan Program Eksplorasi Ilmu bersama Sekolah Kebangsaan Sungai Berua di Perpustakaan Cendekiawan.

Program ini bertujuan memperkenalkan dunia perpustakaan kepada pelajar sekolah di samping memupuk minat membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat sejak usia muda.

Sepanjang program berlangsung, para pelajar berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti interaktif dan menyeronokkan. Program dimulakan dengan Jom Mengeja yang dikendalikan oleh En. Faizulkarnain Mamat. Sesi Jom Membaca dikendalikan oleh Puan Mazliza Mohd@Abdullah dan seterusnya Storytelling diceritakan oleh Saudari Alya Mirza Soffea Ahamad Saifuddin, pelajar latihan industri. Program ini diakhiri dengan Kuiz Ilmu oleh Puan Salwa Munira Haron@Yong dan En. Jamal Ikhwan Mohammad.



Sesi perkongsian bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Sungai Berua

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU@ PERMATA PERPUSTAKAAN BERSAMA UNIT PENTADBIRAN UiTMCTKKT

14 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Warga staf yang menyokong Jelajah ilmu @ PERMATA di Pejabat Unit Pengurusan Fasiliti

KUALA TERENGGANU, 14 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jelajah Ilmu@PERMATA bersama Unit Pentadbiran bermula 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi.

Program Jelajah Ilmu @ PERMATA bersama Unit merupakan merupakan Program ini merupakan satu inisiatif perkongsian ilmu yang bertujuan memperkenalkan portal PERMATA Perpustakaan kepada warga universiti. Sesi ini memberi pendedahan menyeluruh tentang pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan bagi membantu pengguna mengakses maklumat dengan lebih mudah, cepat dan efisien.



Taklimat dan tatacara penggunaan PERMATA kepada warga staf

Antara pengisian utama program ialah penerangan mengenai fungsi-fungsi penting dalam portal PERMATA dan pelbagai sumber maklumat lain. Sesi penerangan mengenai eLIB turut diberikan secara mendalam.


Semoga program ini meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta tentang penggunaan portal PERMATA dan eLIB sebagai platform penting dalam menyokong akses maklumat digital.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU@ PERMATA PERPUSTAKAAN BERSAMA UNIT PENGURUSAN FASILITI UiTMCTKKT

14 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 14 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jelajah Ilmu@PERMATA bersama Unit Pengurusan Fasiliti bermula 11.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari.



Taklimat dan tatacara penggunaan PERMATA kepada warga staf

Program Jelajah Ilmu @ PERMATA bersama Unit merupakan merupakan satu inisiatif perkongsian ilmu yang bertujuan memperkenalkan portal PERMATA Perpustakaan kepada warga universiti serta meningkatkan kesedaran terhadap kemudahan dan perkhidmatan digital yang disediakan oleh perpustakaan.

Sesi ini memberi pendedahan tentang perkhidmatan yang disediakan bagi membantu pengguna mengakses maklumat dengan lebih mudah, cepat dan efisien.

Sesi ini memberi pendedahan tentang perkhidmatan yang disediakan bagi membantu pengguna mengakses maklumat dengan lebih mudah, cepat dan efisien. Antara pengisian utama program ialah penerangan mengenai fungsi-fungsi penting dalam portal PERMATA dan pelbagai sumber maklumat lain. Sesi penerangan mengenai eLIB turut diberikan secara mendalam.



Warga staf yang menyokong Jelajah ilmu @ PERMATA di Pejabat Unit Pengurusan Fasiliti

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU@ PERMATA PERPUSTAKAAN BERSAMA UNIT POLIS BANTUAN UiTMCTKKT

14 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar


KUALA TERENGGANU, 14 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Program Jelajah Ilmu@PERMATA bersama Polis Bantuan bermula 12.00 tengah hari sehingga 1.00 petang.

Program Jelajah Ilmu @ PERMATA bersama Unit merupakan merupakan satu inisiatif perkongsian ilmu yang bertujuan memperkenalkan portal PERMATA Perpustakaan kepada warga universiti terutamanya staf pentadbiran.



Warga staf yang menyokong Jelajah ilmu @ PERMATA di Pejabat Unit Pengurusan Fasiliti

Sesi ini memberi pendedahan tentang perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat dengan lebih mudah, cepat dan efisien. Antara pengisian utama program ialah penerangan mengenai fungsi-fungsi penting dalam portal PERMATA dan pelbagai sumber maklumat lain. Sesi penerangan mengenai eLIB turut diberikan secara mendalam.



Taklimat dan tatacara penggunaan PERMATA kepada warga staf

SCAN ME

BICARA SANTAI:
BENTENG KELUARGA: PERANAN IBU BAPA DALAM PENCEGAHAN DAN INTERVENSI BULI

30 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Warga staf yang menyokong Ptogram Bicara Santai

KUALA TERENGGANU, 30 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Bicara Santai mengenai Benteng Keluarga: Peranan Ibu Bapa Dalam Pencegahan dan Intervensi Buli. Program bermula pada 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi secara bersemuka di Perpustakaan Cendekiawan dan secara atas talian di YouTube Perpustakaan Cendekiawan.

Wacana ini dikendalikan oleh Dr. Rabiatul Adawiyah Mohd Ariffin, Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

Perkongsian ini menerangkan peranan keluarga merupakan asas yang kukuh dalam usaha mencegah dan menangani gejala buli. Melalui komunikasi yang berkesan, pendidikan nilai murni, pemantauan yang sesuai, serta kerjasama erat dengan pihak sekolah dan masyarakat, ibu bapa dapat melindungi anak daripada kesan negatif buli. Ia juga memberi penekanan bahawa institusi keluarga merupakan benteng utama dalam membentuk sahsiah, nilai murni dan kesejahteraan emosi anak-anak. Peranan ibu bapa sebagai pendidik, pembimbing dan pendengar yang prihatin amat penting dalam mengesan tanda-tanda awal buli, memberikan sokongan emosi serta menerapkan nilai hormat, empati dan tanggungjawab sejak kecil.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU
@DATARAN KOMPLEKS PLATINUM SEMPENA PROGRAM FIT & FAITHFUL

2 Julai 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Warga staf yang menyokong Ptogram Jelajah Ilmu

BUKIT BESI, 2 Julai – Program Jelajah Ilmu @ Dataran Kompleks Platinum sempena Program Fit & Faithful telah dilaksanakan pada 2 Julai 2026 (Khamis), bertempat di Dataran Kompleks Platinum, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada warga kampus.

Program telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan penglibatan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Pelaksanaan program secara bersemuka di Dataran Kompleks Platinum memberikan peluang kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan untuk berinteraksi secara langsung dengan warga kampus serta memperkenalkan perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan.

Program ini turut menjadi salah satu medium bagi menggalakkan budaya membaca dan pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kampus menerusi pendekatan yang lebih santai dan interaktif.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

PROGRAM 1 STAF 1 PERKONGSIAN

UNIT PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCT KAMPUS BUKIT BESI

13 Julai 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Warga staf yang menyokong Ptogram Jelajah Ilmu

BUKIT BESI, 13 Julai – Program Jelajah Ilmu @ Dataran Kompleks Platinum sempena Program Fit & Faithful telah dilaksanakan pada 2 Julai 2026 (Khamis), bertempat di Dataran Kompleks Platinum, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada warga kampus.

Program telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan penglibatan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Pelaksanaan program secara bersemuka di Dataran Kompleks Platinum memberikan peluang kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan untuk berinteraksi secara langsung dengan warga kampus serta memperkenalkan perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan.

Program ini turut menjadi salah satu medium bagi menggalakkan budaya membaca dan pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kampus menerusi pendekatan yang lebih santai dan interaktif.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

LAWATAN KERJA
SK PERGAM

13 Julai 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Warga staf yang menyokong Ptogram Jelajah Ilmu

BUKIT BESI, 13 Julai – Program Jelajah Ilmu @ Dataran Kompleks Platinum sempena Program Fit & Faithful telah dilaksanakan pada 2 Julai 2026 (Khamis), bertempat di Dataran Kompleks Platinum, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada warga kampus.

Program telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan penglibatan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Pelaksanaan program secara bersemuka di Dataran Kompleks Platinum memberikan peluang kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan untuk berinteraksi secara langsung dengan warga kampus serta memperkenalkan perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan.

Program ini turut menjadi salah satu medium bagi menggalakkan budaya membaca dan pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kampus menerusi pendekatan yang lebih santai dan interaktif.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

PROGRAM
SPEED READING MASTERY

13 Julai 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Warga staf yang menyokong Ptogram Jelajah Ilmu

BUKIT BESI, 13 Julai – Program Jelajah Ilmu @ Dataran Kompleks Platinum sempena Program Fit & Faithful telah dilaksanakan pada 2 Julai 2026 (Khamis), bertempat di Dataran Kompleks Platinum, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada warga kampus.

Program telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan penglibatan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Pelaksanaan program secara bersemuka di Dataran Kompleks Platinum memberikan peluang kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan untuk berinteraksi secara langsung dengan warga kampus serta memperkenalkan perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan.

Program ini turut menjadi salah satu medium bagi menggalakkan budaya membaca dan pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kampus menerusi pendekatan yang lebih santai dan interaktif.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI